

NOTIS PRIVASI SEHUBUNGAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Anda dimaklumkan bahawa data peribadi dan maklumat selainnya (secara keseluruhan, "**Data Peribadi**") yang diberikan di dalam borang pendaftaran atau permohonan anda bakal digunakan dan diproses oleh YAYASAN ASTRO KASIH ("**YAK**") dan syarikat sekutunya MEASAT BROADCAST NETWORK SYSTEMS SDN BHD ("**MBNS**"), bagi maksud-maksud berikut:-

- a) Mempertimbangkan permohonan anda untuk menyertai pertandingan dan/atau rancangan yang dikelola dan/atau diterbitkan oleh YAK dan MBNS;
- b) Untuk berhubung dengan anda;
- c) Untuk memproses transaksi-transaksi pembayaran;
- d) Menjawab pertanyaan-pertanyaan anda;
- e) Melaksanakan kegiatan-kegiatan dalaman;
- f) Untuk memberi anda maklumat tentang produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan YAK, MBNS, perbadanan-perbadanan berkaitan dan rakan-rakan perniagaan;
- g) Kegiatan-kegiatan perniagaan YAK dan MBNS selainnya yang sah; dan/atau
- h) Maksud-maksud selainnya seperti yang termaktub di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat.

(secara keseluruhan, "**Maksud-Maksud**")

Seterusnya, sila maklum bahawa sekiranya diperlukan bagi mana-mana Maksud-Maksud yang dinyatakan di atas, Data Peribadi anda mungkin dihantar ke lokasi-lokasi di luar Malaysia atau dizahirkan kepada perbadanan berkaitan, pemegang lesen, rakan perniagaan dan/atau pemberi khidmat, yang mungkin berada di dalam atau luar Malaysia. Selain dari yang dinyatakan di sini, Data Peribadi anda tidak akan, dengan sedarinya, dipindahkan ke mana-mana tempat di luar Malaysia atau dizahirkan ke mana-mana pihak ketiga.

Bagi membolehkan kami memproses Data Peribadi anda, persetujuan anda diperlukan. Sekiranya anda tidak memberi persetujuan berkenaan, kami tidak dapat memproses Data Peribadi anda bagi mana-mana Maksud-Maksud yang dinyatakan di atas dan permohonan anda untuk menyertai rancangan dan/atau pertandingan berkenaan tidak dapat kami pertimbangkan.

Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini mengemukakan pertanyaan, aduan dan meminta akses kepada, dan pembetulan terhadap, Data Peribadi atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda dengan menghantar permintaan berkenaan kepada Pegawai Perlindungan Data Peribadi YAK dan MBNS menerusi pos berdaftar atau e-mel seperti yang dinyatakan di bawah:

Alamat pos: *Pegawai Perlindungan Data Peribadi*
YAYASAN ASTRO KASIH
Peti Surat 10148
50710 Kuala Lumpur
Alamat e-mel: pdpo@astro.com.my

Anda mengakui dan menjamin bahawa anda telah mendapatkan persetujuan pihak-pihak ketiga (misalnya, ahli-ahli keluarga) yang mana data peribadi mereka telah anda zahirkan di dalam borang pendaftaran untuk membenarkan YAK dan MBNS memproses data peribadi tersebut bagi Maksud-Maksud yang dinyatakan.